

## **Sumber Kuasa Undang- Undang**

Sebagai kerajaan ketiga, Majlis Daerah Marang diperuntukkan kuasa oleh undang-undang untuk mentadbir serta merancang pembangunan bandar agar kehidupan masyarakat setempat dapat dinikmati dengan sebaik mungkin.

Asasnya undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Marang ini menggariskan aturan-aturan, kesalahan-kesalahan, denda dan kuasa-kuasa Majlis Daerah Marang untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Di antara undang-undang yang utama yang dikuatkuasakan adalah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Senarai Akta, Enakmen dan undang-undang subsidiari yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Marang adalah sebagaimana di Lampiran.

## **Kesalahan-Kesalahan Boleh Dikompaun Di Bawah Undang-Undang Yang Diterima Pakai Di Majlis Daerah Marang**

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun mengikut Akta, Enakmen dan undang-undang subsidiary yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Marang dinyatakan secara jelas di dalam Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Daerah Marang 1984, Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Terengganu) 1984 dan juga undang-undang lain yang berkaitan.

## **Kuasa-Kuasa Perundangan**

Kuasa-kuasa perundangan berkaitan penguatkuasaan dinyatakan secara jelas di dalam undang-undang yang berkaitan.